

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN YANG MESTI DIPATUHI OLEH SEMUA PENENDER YANG INGIN MENGAMBIL BAHAGIAN BAGI SEBARANG SEBUTHARGA DI JABATAN PERHUTANAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. Sebutharga-sebutharga hendaklah dihadapkan kepada alamat berikut:

JABATAN PERHUTANAN
TKT 2, IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA & PELANCONGAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2. Sebutharga-sebutharga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;
3. Sebutharga-sebutharga hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk sebutharga dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / penender;
4. Dokumen dan borang sebutharga serta keterangan lanjut boleh diperolehi di:

Jabatan Perhutanan
Tingkat 2, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Hari Isnin – Khamis
8.30 pagi – 12 Tengahari

Hari Sabtu
8.30 pagi – 10.00 pagi

Tarikh dan Jam Tutup Sebutharga:
Tawaran: Khamis, 15 Mei 2025, 2.00 petang

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebutharga yang paling rendah;
6. Sebutharga ini adalah dikhususkan untuk Syarikat-Syarikat yang mempunyai lesen tertentu di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sahaja;

7. Semua penender **mesti menghadiri Sesi Taklimat** yang akan diadakan pada:

Tawaran: JPH/MYCE2025/SH/2546/2025-2026
MENYEDIAKAN KELENGKAPAN DAN MEMBEKALKAN LED SCREEN AND LAUNCHING MECHANISM DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC) BAGI ACARA CONFERENCE ON FOREST TO REEF BERSEMPENA MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION (MYCE) 2025

Pada: 12 Mei 2025 (Isnin)
Jam: 9.30 pagi
Tempat: INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (ICC), BERAKAS

8. Penender hendaklah membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam Borang Dokumen Tawaran dan Spesifikasi Teknikal serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP** dan **TERATUR**;
9. Penender mestilah menyertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN** seperti Lesen Perniagaan bilangan 16 & 17, *Business License* bagi Syarikat Berhad & Sendirian Berhad, Lesen-Lesen yang berkaitan seperti yang dipersyaratkan dalam sebutharga ini, Sijil Pendaftaran Syarikat di Jabatan Perhutanan, resit pembayaran dokumen, senarai pemilik, kad pengenalan pemilik Syarikat bagi Rakyat Brunei dan / atau passport bagi warganegara asing, pengetahuan / pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan.
10. Setiap sebutharga yang diiklankan adalah tertakluk kepada keterangan di bawah:

TAJUK SEBUTHARGA: JPH/MYCE2025/SH/2546/2025-2026
MENYEDIAKAN KELENGKAPAN DAN MEMBEKALKAN LED SCREEN AND LAUNCHING MECHANISM DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC) BAGI ACARA CONFERENCE ON FOREST TO REEF BERSEMPENA MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION (MYCE) 2025.

Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas I ke atas dan Kategori M01 Sistem Hawa Dingin dan Pengedaran Udara

BORANG PENDAFTARAN SYARIKAT (Jika belum berdaftar): \$10.00
BORANG SEBUTHARGA: \$5.00
-TIDAK DIKEMBALIKAN-

11. Tarikh **terakhir** untuk membeli dokumen **sebutharga** adalah pada **08 Mei 2025**.